

# UMP perkenal iLEAD untuk perkasa pelajar

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan Program Penguukuhan Kemahiran Insaniah (iLEAD) yang dilaksanakan secara berstruktur untuk memperkasa pelajar sebelum menamatkan pengajian.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata program itu merupakan antara inisiatif memantapkan kemahiran insaniah ke arah melahirkan graduan berkualiti

sejajar pelaksanaan kaedah penilaian baharu, Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi (iCGPA).

## **Ketidaksepadanan**

“Penilaian terbabit bukan hanya memfokus kepada pencapaian gred akademik tetapi juga mengambil kira keupayaan pelajar dalam aspek kognitif, kemahiran psikomotor dan kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepemimpinan, nilai etika



**Prof Daing Nasir (tiga dari kanan)** menyempurnakan Majlis Pelancaran iLEAD 2016 di UMP.

serta keusahawanan,” katanya ketika berucap melancarkan iLEAD di UMP, baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof Dr Mashitah Mohd

Yusof; Pengarah Pusat Daya Saing dan Inovasi (CAIC), Dr Mohd Ruslim Mohamed; serta Dekan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Prof Madya Dr Muhammad Nubli Abdul Wahab.

Mengulas lanjut, Prof

Daing Nasir berkata, pelaksanaan iCGPA dapat mengatasi masalah ketidaksepadanan antara kualiti graduan dengan kehendak majikan berikutan sistem sedia ada hanya mengukur kemampuan akademik pelajar.

BERITA HARIAN  
CVARS (TI)  
13/10/2016 m/s 7

info

## **Sistem iCGPA**

Lima universiti rintis apabila diperkenalkan pada 2009  
→ UMP  
→ Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
→ Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
→ Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
→ Universiti Malaysia Kelantan (UMK)